



Headline: Aplikasi bnmsafe alat perdaya mangsa
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 14 April 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 19

Aplikasi bnmsafe alat perdaya mangsa

JSJK Bukit Aman kesan taktik baharu sindiket penipuan dalam talian

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman mengesan taktik terbaru sindiket penipuan dalam talian yang memperdayakan mangsa untuk memuat turun satu aplikasi bnmsafe (8002) melalui telefon bimbit.

Pengaruhnya, Datuk Seri Mohd Zakaria Ahmad berkata, polis menerima enam laporan daripada mangsa berusia 24 hingga 59 tahun sejak 7 April

hingga 11 April lalu membabitkan kerugian sebanyak RM295,350.

“Sindiket berkenaan akan menghubungi mangsa secara rawak sebelum menghantar satu link (pautan) ke telefon bimbit mangsa menggunakan aplikasi WhatsApp.

“Mangsa kemudian diarah memuat turun aplikasi platform TestFlight yang mengandungi satu aplikasi lain iaitu bnmsafe (8002),” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman di sini semalam.

Mohd Zakaria berkata, mangsa kemudian diminta memasukkan maklumat peribadi dan perbankan melalui aplikasi



MOHD ZAKARIA

itu.

“Selepas sindiket mendapat maklumat berkenaan, mereka akan mengakses akaun perbankan mangsa dan membuat pindahan ke akaun pihak ketiga (*mule account*).

“Bagi melengkapkan transaksi itu, sindiket akan meminta kod pengesahan transaksi daripada mangsa,” katanya.

Beliau berkata, mangsa menyedari kehilangan wang mereka apabila membuat semakan akaun.

“Orang ramai dinasihatkan tidak mempercayai panggilan yang memaklumkan mereka sebagai penguat kuasa atau institusi kewangan,” kata beliau.